

BAB I

PENGENALAN

Perbandaran merupakan satu fenomena pembangunan yang berlaku di kebanyakan negara. Proses perbandaran merujuk kepada pertumbuhan penduduk dan melibatkan transformasi ekonomi, sosial dan politik. Pertumbuhan penduduk di sebuah kawasan akan mewujudkan bandar, semakin pesat pertumbuhan penduduk semakin cepat proses perbandaran yang berlaku.

Amerika syarikat sebuah negara yang maju turut mengalami proses perbandaran yang pesat. Faktor utama yang meransangkan pertumbuhan penduduk Amerika Syarikat ialah penghijrahan.

Proses Perbandaran yang pesat memerlukan pengurusan yang sistematik supaya tidak mewujudkan masalah kesesakan bandar, masalah penempatan, peningkatan taraf hidup, peningkatan kemiskinan bandar, perubahan pola pekerjaan, persaingan permintaan tanah, pencemaran alam sekitar, dan peningkatan dalam masalah sosial.

Proses pembangunan akan berterusan bagi sesebuah negara. Seiring dengan perkembangan ini, berbagai-bagai masalah timbul dan usaha menanganinya perlu dilakukan dengan teliti.

Masyarakat melihat dan menakrifkan masalah sosial dari aspek yang berlainan. Ini selalunya bergantung kepada adat resam, budaya dan cara hidup masyarakat itu. Sesuatu pelakuan yang dianggap tidak sopan dan tidak bermoral (misalannya pelakuan sex individu) oleh sesebuah masyarakat mungkin merupakan hanya satu budaya atau gaya hidup yang boleh diterima oleh suatu masyarakat yang lain. Ini dijelaskan oleh Etzioni (1976),

An often-cited definition of social problem is "what people think they are". A situation which is perceived by some group as a source of dissatisfaction for its members and in which preferable alternatives are recognized so that the group, or individuals in the group, are motivated to effect some change. Thus, according to this approach, a condition counts as a social problem if many people agree that it is a problem. If just one person or even a few persons perceive something as a problem, it does not qualify; however, if they succeed in convincing us a problem, it eventually might (Etzioni, 1976: 3-4)."

Menurut beliau takrif atau definisi masalah sosial adalah bergantung pada apa yang kita fikirkan tentangnya. Ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu yang dianggap sebagai masalah sosial dalam sesetengah masyarakat di sesebuah negara tidak semestinya merupakan masalah kepada masyarakat lain. Misalannya, jika pelacuran dan perjudian dapat diterima oleh sesuatu masyarakat itu sebagai sesuatu pelakuan yang biasa atau merupakan satu budaya yang bebeza maka ia tidak akan lagi merupakan masalah sosial kepada masyarakat itu (Etzioni, 1976: 3). Menurut beliau untuk sesuatu perlakuan itu dianggap sebagai masalah apabila terdapat ramai orang yang tidak selesa dengannya. Jika hanya segelintir masyarakat yang tidak setuju, ia tidak boleh dianggap sebagai suatu masalah (Etzioni, 1976: 4).

Di Amerika syarikat, masalah sosial yang dialami adalah seperti juga masalah sosial yang dialami oleh negara maju lain. Contohnya seperti, masalah mental dan fizikal, penyalahgunaan arak dan dadah, jenayah, keganasan, kemiskinan, keruntuhan moral, jenayah seks, masalah warga tua, masalah pendidikan, tekanan sosial, masalah perbandaran dan masalah alam sekitar (Julian, 1977: 335).

Baru-baru ini, masyarakat Amerika Syarikat telah dikejutkan oleh kes pembunuhan di *Columbine Senior High* pada 20hb April 1999 di mana 12 orang

elajar dan seorang guru telah dibunuh serta 23 orang telah tercedera dalam kejadian itu. 2 orang pelajar, Harris dan Klebold dari sekolah yang berkenaan telah disyaki melakukan pembunuhan itu. Kejadian itu menandakan bahawa masalah pelakuan ganas di kalangan remaja telah sampai ke tahap yang kritikal.

Persoalannya, apakah punca atau sebab utamanya berlakunya masalah sosial ini dan apakah sebab yang mendorong seseorang itu bersifat ganas dan hilang pertimbangan dalam sesebuah masyarakat. Maka untuk mendapat sedikit sebanyak maklumat berkaitan isu ini, satu kajian kes telah dijalankan dalam penyelidikan ini.

Kertas projek ini mengandungi 7 buah bab. Bab 1 merupakan bab pengenalan, di mana definisi masalah sosial, keadaan masa kini masalah sosial di Amerika Syarikat dan garis kasar bab-bab lain dijelaskan. Bab 2 pula membincangkan ulasan kajian lampau berkaitan masalah yang akan dikaji dalam bab yang berikut. Bab 3 pula membincangkan latar belakang kajian, iaitu objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Manakala Bab 4 pula membentangkan metodologi kajian iaitu sumber data, jenis pembolehubah dan kaedah statistik yang digunakan dalam analisis. Bab 5 pula membincangkan dan meninjau latar belakang responden dalam sampel. Kajian ke atas gaya hidup responden dan pandangan mereka terhadap isu bersifat perkauman, isu kekejaman atau keganasan dan isu alam sekitar akan dibincangkan dalam Bab 6. Akhirnya, Bab 7 akan membincangkan kesimpulan dan hasil kajian. Di samping itu, masalah dan sekatan kajian serta beberapa perkara untuk penyelidikan akan datang turut diperbincangkan.